

Pfizer berazam jadi majikan pilihan

Kuala Lumpur: Pfizer Malaysia Sdn Bhd, syarikat farmaseutikal antarabangsa menyasarkan untuk menjadi majikan pilihan di negara ini dengan mengambil bakat terbaik dalam industri berkhidmat dengannya.

Pengurus Negara, Angel Choi (**gambar**), berkata modal insan antara tunjang kejayaan Pfizer dan pihaknya amat menitikberatkan keselesaan dan fleksibiliti yang diinginkan kakitangannya.

"Kakitangan kami adalah asas kepada kejayaan Pfizer dan menyedari hakikat ini, kami membuat keputusan untuk berpindah ke pejabat baru yang terletak di Menara Averis di Bangsar South, Kuala Lumpur daripada pejabat lama di Shah Alam, Selangor.

Persekitaran inovatif

"Pejabat baru ini menerapkan konsep pejabat terbuka yang lebih moden dan kondusif. Kami yakin ia mampu mencipta persekitaran kerja yang lebih inovatif, menjadikan kakitangan yang terbabit mampu membawa nilai tambah

kepada pemegang kepentingan kami," katanya kepada *BH* baru-baru ini.

Pejabat baru berkenaan dilengkapi perabot pejabat yang ergonomik, penyediaan bilik khas bagi ibu menyusu, ruang sosial yang moden serta penyepaduan sistem pencetakan dokumen.

Ia turut mewujudkan budaya mengurangkan penggunaan kertas dan sebahagian daripada usaha Pfizer dalam mengurangkan kesan karbon serta mengaplikasikan konsep mesra alam sekitar.

Penuhi keperluan pelanggan

Choi berkata, dalam mencapai sasaran untuk menjadi syarikat yang berjaya, mereka bekerja bersama dan mengetepikan segala halangan yang wujud dari segi geografi untuk memenuhi keperluan pelanggan yang kerap berubah.

"Sebagai sebuah syarikat yang beroperasi di seluruh dunia, kami sering mencabar kakitangan mencari jalan baru untuk belajar, menepati sasaran syarikat, mengembangkan potensi diri serta untuk mencipta pengalaman unik di Pfizer.



Pejabat baru Pfizer menerapkan **konsep pejabat terbuka** yang lebih moden dan kondusif.